

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN    |
| Date      | 02 FEBRUARY 2017 |

# Wang ehsan selepas banjir pulih: PM

➔ Bantuan kepada mangsa terjejas akan diperhalusi

**Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak**  
bhnews@bh.com.my

## ► Pekan

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, bantuan kepada mangsa banjir di seluruh negara akan disalurkan selepas bencana berkenaan pulih sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, bantuan seperti wang ehsan akan diperhalusi kerana kerajaan ketika ini memberi fokus kepada usaha membantu mangsa banjir dengan menyediakan makanan dan kemudahan lain di pusat pemindahan.

“Kita mempunyai kesulitan ke-

rana ada yang menganggap mangsa banjir tetapi tidak berpindah dan tidak berdaftar. Apabila tidak daftar sukar hendak kita bagi bantuan wang ehsan.

“Berdasarkan laporan cuaca keadaannya masih tidak menentu... apa pun kita kena tunggu sehingga banjir benar-benar pulih,” katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di Institut Kemajuan Belia Negara (IKBN) di Paloh Hinai, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Terdahulu, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan bersama Rosmah melawat pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kinchir Angin dan Balairaya Tanjung Lepar,

dekat sini.

Perdana Menteri dan rombongannya juga turut meninjau kemudahan disediakan di situ dan menaiki bot kira-kira 45 minit untuk melihat Jambatan Sungai Kinchir yang ditenggelami air lebih satu meter.

## Terharu dengan lawatan PM

Sementara itu, seorang penduduk dari Kampung Tanjung Lepar, Mohd Ali Muda, 49, berkata beliau terharu dengan lawatan Perdana Menteri yang tidak pernah lupa tanggungjawabnya sebagai wakil rakyat.

Setiap kali banjir, beliau pasti datang melawat mangsa seperti kami dan ini sekurang-kurangnya

memberi kelegaan kepada kami yang ditimpa bencana.

“Perdana Menteri bertanyakan berapa hari saya dan keluarga sudah berada di sini, malah beliau sempat menasihati kami bersabar dengan dugaan pada masa sekarang,” katanya.

Orang kurang upaya (OKU), Ahmad Razali Mohamad, 39, dari Kampung Tanjung Lepar pula berkata, ini kali kedua dia bertemu Perdana Menteri di pusat pemindahan banjir.

“Beberapa tahun lalu, beliau ada datang dan seperti dahulu, beliau sangat prihatin terhadap mangsa banjir dengan bertanya khabar ketika melawat kami hari ini (semalam),” katanya.

BH - 2/2/2017